

20 JUN 1999

Umno-Gulung (Pilihan raya)

ABDULLAH YAKIN REKOD CEMERLANG BN MAMPU TERUS PIKAT RAKYAT

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin bahawa rekod cemerlang Barisan Nasional (BN) setakat ini mampu terus memikat rakyat untuk mengundi BN dan sekali lagi memberikannya majoriti dua pertiga pada pilihan raya akan datang.

Timbalan Perdana Menteri yakin apabila tiba masa menghadapi peti undi, setiap rakyat akan menimbang nasib anak cucu mereka dan masa depan negara.

Mereka akan memikirkan peluang mendapatkan pelajaran yang bermutu, peluang mencari rezeki yang banyak dan peluang untuk terus menikmati kemakmuran negara, yang dikecapi selama BN berkuasa.

"Saya percaya rekod cemerlang ini akan dapat meyakinkan rakyat untuk terus mengundi BN," kata beliau ketika berucap menggulung perbahasan pada hari akhir Perhimpunan Agung Umno Ke-53 di sini, hari ini.

Antara rekod cemerlang yang beliau sebutkan ialah keupayaan kerajaan BN memajukan negara di samping menjaga keselamatan dan keamanan yang berterusan dan tidak pernah gagal mengadakan pilihan raya mengikut amalan demokrasi apabila tiba masanya.

Selain itu katanya, dalam masa kurang setengah abad, Malaysia juga sudah menempa pelbagai kejayaan dan masyhur di mata dunia.

Abdullah, Naib Presiden Umno yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti, berkata dengan rekod pencapaian baik itu, kerajaan BN tidak gentar menghadapi pilihan raya.

"Kita beri peluang rakyat pilih kerajaan yang mereka sukai dan kita tidak pernah bimbang untuk meletakkan nasib kita bagi ditentukan oleh rakyat kerana kita yakin pada diri kita sendiri," katanya.

Beliau percaya rakyat mahu sebuah parti dan kerajaan yang tegas dengan caranya, yang berani dan berkeupayaan besar memastikan negara terus meningkat maju.

Katanya rekod kecemerlangan BN, yang dianggapnya perkongsian pintar yang menguntungkan semua parti komponen, termasuk keupayaan kerajaan mentadbir negara dan memastikan kesejahteraan rakyat, tidak dapat dipertikaikan berbanding apa yang mampu dibuat parti-parti lain.

"Kita mesti yakinkan kepada rakyat bahawa parti ini besar, anggota-anggotanya bersatu padu di samping menonjolkan pemuafakatan parti-parti komponen dalam BN bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

Abdullah mengulangi ikrarnya untuk membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam apa juga tugas dan arahan yang diberikan untuk memastikan kemenangan BN dan berkata: "kini tiba masanya untuk semua anggota dan jentera Umno bekerja keras ke arah itu."

Katanya kerja Presiden parti dalam hal pengagihan kerusi untuk pilihan raya dan menentukan calon akan menjadi lebih mudah dengan semangat perpaduan yang ditunjukkan anggota parti.

Beliau berkata Dr Mahathir sebelum ini pernah menyatakan bahawa soal hendak bekerja keras dan berkempen ke mana sekalipun tidak menjadi masalah tetapi adalah sukar bagi menentukan pembahagian kerusi dan calon.

Mengenai tarikh pilihan raya, beliau secara berseloroh berkata: "Pilihan raya kali ini mungkin akan menjadi yang terakhir untuk abad ini atau yang pertama untuk abad akan datang... yang ertinya saya pun tak tahu bila akan diadakan."

Abdullah juga mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Khalil Yaakob kerana pelantikan beliau sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru dan menyatakan

pengharganya kepada bekas setiausaha agung Datuk Sabbaruddin Chik atas perkhidmatan beliau.

-- BERNAMA

Team RON